

**PEMBUKA KATA**  
**YB MENTERI KERJA RAYA**  
**SESI TOWNHALL BERSAMA KONTRAKTOR G1 – G3**  
**20 FEBRUARI 2023**

---

1. Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani kepada Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir ke sesi Townhall bersama saya pada pagi ini. Terima kasih atas kehadiran dan sokongan yang diberikan.
2. Bersama saya pada pagi ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Dato' Wira Wan Ahmad Uzir, Ketua Eksekutif Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Datuk Ir. Ahmad Redza Ghulam Rasool dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan.
3. Sesungguhnya, sesi townhall bersama tuan-tuan dan puan-puan yang terdiri daripada kumpulan kontraktor G1 – G3 adalah yang pertama saya adakan untuk mendekati dan mendengar sendiri isu, cabaran dankekangan yang dihadapi rakan pemain industri pada masa ini. Pendekatan ini adalah selaras dengan nilai Ihsan di bawah konsep Malaysia Madani iaitu keprihatinan dan bersikap peduli ke atas komuniti terkesan. Saya juga amat mengalu-alukan pandangan serta idea daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk membantu dalam usaha merancakkan semula industri pembinaan negara. Saya percaya banyak syarikat kontraktor G1-G3 menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha memastikan syarikatnya kekal berada

dalam pasaran dan tidak terlepas, ada juga yang tewas dan terpaksa gulung tikar.

4. Berdasarkan data CIDB, daripada jumlah 124,273 ribu kontraktor berdaftar, sebanyak 101,623 ribu adalah daripada kalangan kontraktor G1-G3 dan dalam jumlah tersebut sebanyak 66,862 kontraktor G1-G3 telah memiliki sijil perakuan kerja kerajaan. Ini jelas menunjukkan bahawa kontraktor G1-G3 merupakan pemain industri pembinaan yang utama dalam agenda pembangunan negara.
5. Adalah menjadi harapan saya agar platform ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menyampaikan hasrat tuan-tuan dan puan-puan agar kami selaku pihak kerajaan dapat membantu dalam memudahcarakan urusan yang membebankan anda semua. Sebagai sebuah kerajaan yang kini sedang berhadapan dengan hutang negara mencecah RM1.2 trillion, kekangan kewangan menjadi isu utama terutama dalam projek pembangunan yang secara tidak langsung mempunyai impak ke atas kerancakan pemain industri pembinaan itu sendiri.
6. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik harus diberi keutamaan. Kita tidak boleh terus terperangkap dengan bergantung harap ke atas tawaran kontrak kerajaan semata-mata. Adalah menjadi harapan kerajaan sekiranya syarikat kontraktor terutamanya kontraktor kecil G1-G3 seperti anda dapat membina dan meningkatkan kualiti serta keupayaan perkhidmatan anda supaya lebih kompetitif dan berdaya saing selaras dengan gelombang revolusi industri keempat yang dijangka akan mengubah landskap industri pembinaan di Malaysia.

7. Penyertaan Malaysia sebagai anggota strategik dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang berkuat kuasa pada 29 Nov 2022 akan membuka lebih peluang kepada syarikat pembinaan untuk memperolehi projek pembinaan di peringkat antarabangsa. Walaupun terdapat pihak yang meluahkan kebimbangan perihal kebebasan kemasukan syarikat pembinaan luar dalam perolehan kontrak kerajaan yang dilihat akan menyekat rezeki syarikat tempatan, saya berpandangan sebaliknya. Kita harus berfikiran lebih terbuka dan mencari peluang yang boleh disambut daripada menganggapnya sebagai halangan dan mencetuskan keresahan.
8. Kemasukan syarikat dari luar negara akan membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk turut terlibat dalam rantaian perdagangan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Syarikat berskala besar ini memerlukan sokongan daripada syarikat tempatan seperti bekalan bahan mentah dan tenaga kerja. Peluang pekerjaan yang wujud ini secara tidak langsung akan membantu merangsang pembangunan kontraktor kecil dan sederhana terutamanya. Oleh itu, syarikat tempatan harus bijak mengambil peluang ini yang boleh memberi manfaat kepada syarikat mereka.
9. Oleh itu, saya amat berharap agar tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini dapat berkongsi pengalaman dan memberikan idea yang bernas bagaimana kerajaan dapat membantu dalam merealisasikan keperluan anda semua untuk kekal relevan dan mampu bersaing dengan sihat dalam industri pembinaan. Walaupun saya mendengar khabar bahawa terdapat sesetengah pihak kontraktor kurang beretika dalam meraih kontrak kerajaan dan ada

yang bertindak sebagai ‘Alibaba’ untuk mengaut keuntungan semata-mata, saya ingin menegaskan bahawa fokus saya bukanlah untuk mencari kesalahan tetapi ke arah pemerkasaan. Saya ingin melihat setiap daripada anda semua mampu membangunkan perniagaan anda, bersaing dengan sihat dan berkembang maju daripada G1 ke G2, G3, G4 dan seterusnya.

10. Saya dimaklumkan bahawa pihak CLAB ada memberikan taklimat berhubung pengurusan pekerja asing sebentar tadi. Ini merupakan salah satu contoh bantuan kerajaan yang disediakan untuk kontraktor kecil dan sederhana dalam urusan pekerja asing. Selain itu, kerajaan juga bersedia untuk membantu syarikat kontraktor kecil dan sederhana dalam memberi latihan percuma melalui CIDB. Oleh itu, saya berharap sesi yang disediakan pada hari ini akan digunakan sebaik mungkin dalam melahirkan satu ruang perkongsian yang sihat. Setiap persoalan, permasalahan dan cadangan akan diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya. Saya bersama barisan pimpinan kementerian disini sedia mendengar.
11. Sekian, terima kasih.

